KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	20.05.22	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	JMG			

Sebahagian penduduk di kawasan yang terjejas dibenarkan pulang bulan lalu

Mangsa trauma setiap kali hujan

Oleh NOR AZIAH MAT NOH

AMPANG JAYA – Mangsa kejadian tanah runtuh di Taman Bukit Permai 2 di sini, mengakui masih trauma biarpun insiden yang meragut empat nyawa di kawasan tersebut sudah tiga bulan berlalu.

Penduduk, Mohd. Sharif Jiran, 51, berkata, dia dan ahli keluarganya sudah pulang ke kediaman mereka pada pertengahan Ramadan lalu selepas dua bulan tinggal di rumah tamu yang terletak tidak jauh dari lokasi kejadian.

"Proses pembaikan di kawasan berhampiran tanah runtuh mengambil masa agak lama. Apabila hujan lebat, memang kami rasa bimbang dan trauma akan keselamatan terutama anak-anak," katanya kepada *Kosmo!* Baru-baru ini.

Sementara itu, Wan Hamidah Husin, 56, memberitahu, dalam kejadian bencana tersebut, rumahnya dipenuhi tanah dan selut sehingga menjejaskan struktur kediaman tersebut.

"Setakat ini tanah sudah dibersihkan. Banyak barangan yang rosak antaranya pagar, pintu dan tingkap yang pecah.

"Kos untuk membaiki struktur rumah yang terjejas agak tinggi mencecah puluhan ribu ringgit," katanya.

Menurut Wan Hamidah, dia telah mengupah pekerja untuk membaiki tingkap dan pintu bagi mengelak kediaman tersebut dipecah masuk oleh pihak tidak bertanggungjawab.

"Tiga minggu lalu, berlaku kes yang mana ada individu menyelongkar di kawasan runtuhan ini dipercayai untuk mengambil barangan berharga milik penduduk," katanya.



MOHD. SHARIF melihat kerosakan pada kediaman penduduk ekoran kejadian tanah runtuh yang berlaku di Taman Bukit Permai 2, Ampang pada Mac lalu.



KERATAN *Kosmo!* 12 Mac 2022.

▲ TINJAUAN kerja-kerja pembaikan cerun di lokasi kejadian tanah runtuh pada Mac lalu sedang dilaksanakan oleh pihak berwajib di Taman Permai 2, Ampang baru-baru ini. – AFIQ RAZALI

Jelas wanita itu, setakat ini, pihak berkuasa tempatan (PBT) tidak memberikan sebarang keputusan muktamad berhubung status empat buah rumah yang terjejas teruk.

Dalam pada itu, Ahli Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) Zon 23, Mohamad Samat berkata, empat keluarga yang terjejas dalam kejadian bencana tersebut masih belum dibenarkan pulang disebabkan rumah masing-masing mengalami kerosakan teruk.

"Kejadian itu menjejaskan struktur luar dan dalaman kediaman terbabit. Kita memberi ruang kepada penghuni sama ada untuk membaiki atau merobohkan rumah mereka yang mengalami kerosakan," katanya.

Setakat ini, kata beliau, kerja-kerja pembaikan masih giat dijalankan oleh Institut Kerja Raya Malaysia (Ikram) dan Jabatan Kerja Raya (JKR).

Tambah beliau, seramai 15 penghuni rumah yang tinggal di atas bukit berkenaan yang diarahkan berpindah sebelum ini diminta kembali ke kediaman masing-masing pada 1 Mei lalu.

Kosmo! pada 12 Mei lalu melaporkan bunyi dentuman kuat seperti letupan bom sebanyak dua kali akibat kejadian tanah runtuh di Taman Bukit Permai 2 mengejutkan penduduk sehingga mereka terpaksa lari keluar rumah untuk menyelamatkan diri.

Dentuman kuat yang berlaku pukul 5 petang itu berjaya mengelakkan lebih ramai mangsa terkorban dan cedera dalam kejadian yang meragut empat nyawa selepas mereka tertimbus di dalam tanah, manakala seorang lagi cedera ringan.

Mereka yang maut ialah Chong Siew Kim, 85, K. Ramasamy, 58, A. Mahendran, 36, dan Mohd. Saiful Ridzuan Ishak, 37.